

**KAJIAN MATEMATIK DI KALANGAN PELAJAR ( KMKP )  
SATU PENILAIAN KRITIS KE ATASNYA  
KAJIAN KES DAERAH KINTA**

**HAJJAH FARIDAH BINTI IBRAHIM**

**NOR ASMAH BT NORDIN**

**Kertas Projek ini dikemukakan untuk syarat bagi mendapatkan  
Diploma Pentadbiran dan Undang-Undang**

**Institut Teknologi Mara  
Cawangan Perak  
Perak Darul Ridzuan**

**1997**

## PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Encik Fauzi bin Mohd. Harun, Pensyarah dan Penyelia Kertas Projek PAD 355 . Beliau telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan kertas projek ini. Jasa baik beliau meluangkan masa bagi membimbing kami sangatlah kami hargai. Terima kasih yang tidak terhingga kepada beliau yang telah memberi kritikan yang membina dan saranan yang baik setelah membaca draf kertas projek ini.

Penghargaan juga dirakamkan kepada pihak ITM kerana memberikan kami peluang untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat Diploma dalam kajian Pentadbiran Awam dan Undang-undang.

Kepada Kolej Premier Yayasan Perak dan Sekolah Menengah Kampung Pasir Putih, tempat kami bertugas, kami mengucapkan

## SINOPSIS

Kajian Matematik Di Kalangan Pelajar (KMKP) bertujuan untuk meninjau sejauhmana keberkesanan kaedah-kaedah dan strategi-strategi dalam meningkatkan tahap peratusan pencapaian pelajar dalam matapelajaran Matematik. Walaupun berbagai-bagai program dan kaedah telah dan dalam proses pelaksanaan, namun begitu peratusan Matematik masih kurang memuaskan. Program-prrogram yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Pusat Kegiatan Guru di bawah seliaan guru-guru pakar masih sukar untuk dibuat penilaian kritis keatas sikap serta penerimaan pelajar. Sikap pelajar yang begitu hambar dan kurang memberikan penumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran Matematik menjadi punca utama kelemahan mereka. Beberapa syor dan cadangan telah dan akan diambil dan dititikberatkan. Antaranya ialah program-program keatas pelajar dibuat secara berkelompok di bawah beberapa orang guru pakar sebagai tempat rujukan sekiranya pelajar mengalami kebuntuan dalam menyelesaikan sebarang masalah. Disamping itu Cadangan Pengukuhan Kemahiran dan Cadangan Pentagon dipraktikkan keatas pelajar untuk melihat keberkesanannya dan dengan ini dapat melahirkan pelajaar yang berteknologi tinggi kearah Wawasan 2020.

## KANDUNGAN

HALAMAN JUDUL	HALAMAN
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS	vi
SINOPSIS BAHASA INGGERIS	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI CARTA	xiv

### BAB

#### 1. Pendahuluan

1.1. Pengenalan dan Penyataan Masalah	1
1.2. Objektif Kajian	3

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan dan Penyataan Masalah.

Matematik merupakan warisan maklumat yang diperlukan untuk menghadapi di tahun wawasan 2020. Sekolah rendah merupakan penerima yang terawal demi menjayakan hasrat Malaysia di tahun 2020. Justeru itu pelajar yang cemerlang diharapkan menjadi sumber pembangunan, sewajarnya dikenalpasti dari sekarang.

Kehendak cabaran utama wawasan 2020 keenam “Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan yang bukan saja menjadi pengguna teknologi tetapi menyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.” Ini akan tercapai apabila pelajar telah kukuh dan mahir dalam bidang matematik.